Undang-undang syariah, sivil perlu diharmonikan

***Asyraf Wajdi (dua dari kiri) bersama pelajar USIM** pada program ISCOL 2015 di Bandar Baru Nilai, semalam.*
[FOTO WAN NUR AMIRAH WAN MOHAMED REDZA/BH]

Bandar Baru Nilai: Sebarang kekurangan atau kelemahan dalam pelaksanaan undang-undang syariah dan sivil tidak boleh dijadikan alasan untuk memberi keadilan kepada semua pihak mengikut sistem perundangan negara.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata perbezaan antara kedua-dua undang-undang itu perlu diharmonikan dan difahami dalam konteks Malaysia yang berbilang kaum, budaya dan agama.

"Hakikatnya, undang-undang sivil dan syariah berkembang secara harmoni di Malaysia. Kedua-dua sistem undang-undang ini adalah unik dari aspek sumber perundangan, hierarki autoriti, teori dan amalan, termasuk metodologi dan penaakulan.

"Apabila melihat kepada pengaruh undang-undang syariah dan sivil dalam sistem perundangan negara, kita tidak boleh menafikan bahawa amat penting untuk memahami realiti (suasana pelbagai kaum, budaya dan agama) negara ini yang mengiktiraf kepelbagaian sumber perundangan.

Selaras proses demokrasi

"Dalam negara demokratik, sebarang perubahan dan transformasi dalam sistem perundangan perlu mengikuti proses demokrasi secara aman dan harmoni," katanya dalam teks ucapan yang dibacakan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki.

Ucapan itu dibacakan pada majlis perasmian Seminar Antarabangsa Undang-Undang Syariah dan Sivil (ISCOL) 2015 di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), di sini, semalam.

Pada program itu, Ketua Hakim Negara, Tun Ariffin Zakaria menyampaikan ucap utama bertajuk *Judicial Attitudes Towards Malaysian Common Law Post 1956*.

Timbalan Perdana Menteri berkata, Malaysia sudah lama memulakan inisiatif untuk mengharmonikan undang-undang syariah dan sivil untuk mewujudkan suasana perundangan yang boleh dipercayai, berkesan, berkesan, kondusif dan dinamik.

Katanya, hasil usaha itu menyaksikan undang-undang sivil mempengaruhi proses tatacara dan keterangan dalam sistem undang-undang yang dilaksanakan di Mahkamah Syariah.

"Ada beberapa aspek undang-undang syariah yang dirujuk dan diguna pakai di mahkamah sivil," katanya.